




PENDAFTARAN PERKAHWINAN TOKONG THEAN HOU

Tel: 03-2273 7682 / 2273 9419 Fax: 03-2260 1012

Panduan Pendaftaran (I-A 04)

★Sila baca panduan ini dengan teliti agar pendaftaran anda tidak tergendala★

Pendaftaran Perkahwinan Mengandungi 5 langkah



(A) Langkah 1: Mengemukakan Permohonan


1. Kedua-dua pihak Lelaki dan Perempuan dikehendaki **menghadirkan diri** dengan membawa **dokumen-dokumen** berikut:-
 - 1.1 Kad Pengenalan asal dan satu salinan pihak lelaki dan perempuan. (A4 saiz, tidak perlu digunting)
 - 1.2 Surat beranak asal dan satu salinan pihak lelaki dan perempuan. (A4 Saiz, tidak perlu digunting)
 - 1.3 Satu keping gambar berwarna (saiz passport) bagi pihak lelaki dan perempuan. (Gambar segera TIDAK diterima).
 - 1.4 Satu salinan Kad Pengenalan bagi 2 orang saksi. (A4 Saiz, tidak perlu digunting)
 - 1.5 Bagi balu, surat mati asal dan satu salinan suami/isteri diwajibkan. Bagi duda/janda, surat pengesahan perceraian/ Pembatalan Perkawinan asal dan satu salinan adalah diwajibkan.
2. **Saksi** mesti ialah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas. Saksi tidak perlu menghadirkan diri semasa mengemukakan permohonan.
3. **Pemohonan bagi lelaki di bawah 18 tahun atau perempuan di bawah 16 tahun 16 tahun TIDAK diterima.** Perempuan berumur **di bawah 18 tahun**, bapa mesti menjadi saksi dengan syarat **mendapatkan lesen daripada Ketua Menteri.**
4. Jika berumur **di bawah 21 tahun tetapi melebihi 18 tahun, syarat berikut harus dipatuhi:**
 - 4.1 Bapa dikehendaki menjadi saksi, atau
 - 4.2 Jika bapa telah meninggal, ibu boleh menjadi saksi, tetapi surat mati asal dan satu salinan adalah diwajibkan,
 - 4.3 Jika kedua-dua ibubapa telah meninggal, peniaga (sah di sisi undang-undang) boleh menjadi saksi.
 - 4.4 Jika ibubapa bercerai, ibu atau bapa boleh menjadi saksi (tertakluk kepada kanun surat perceraian).
5. Salah satu pemohon mesti penganut Buddha. Penolong Pendaftar tidak dibenar menjalankan pendaftaran perkahwinan bagi warganegara asing atau pasangan yang telah menjalankan pendaftaran perkahwinan di luar negeri atau pasangan yang mengadakan perkahwinan tradisional sebelum 1/3/1982.

Waktu untuk Mengemukakan Permohonan :

Hari Isnin hingga Sabtu : 9:00AM - 5:00PM

Hari Ahad / Cuti Am : Rehat

Contoh Salinan:



Langkah 2: Akuan Berkanun dengan Pesuruhjaya Sumpah

Pihak lelaki dan perempuan dikehendaki bersumpah di mana-mana Pesuruhjaya Sumpah di Malaysia selepas borang permohonan diisi dengan lengkapnya. **Semua bayaran akuan berkanun adalah di luar tanggungjawab Pejabat Pendaftaran Perkahwinan.**

Di bawah **Seksyen 494 Kanun Keseksaan** :

Jika sabit kesalahan, seseorang yang mempunyai dua orang isteri atau suami yang masih hidup boleh dipenjarakan tidak lebih daripada 7 tahun dan juga boleh didenda.

Langkah 3: Penghantaran Borang

1. Tarikh pendaftaran perkahwinan: **tidak kurang daripada 21 hari dan tidak melebihi 2 bulan** dari tarikh mengemukakan permohonan, di samping mengikut giliran kekosongan.
2. **Bayaran perlu dibuat pada hari permohonan** dan tidak dikembalikan.
 3. Sila menghubungi pegawai pejabat 3 hari sebelum pendaftaran bagi sebarang penukaran tarikh. Permohonan akan dibatalkan sekiranya pasangan gagal menghadirkan diri untuk Pendaftaran Perkahwinan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh permohonan. Pasangan yang ingin berdaftar haruslah mengemukakan permohonan dan bayaran semula.

Langkah 4: Kelulusan

1. Selepas bersumpah, borang akan dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk diluluskan.
2. Pendaftaran perkahwinan akan dijalankan mengikut tarikh yang ditetapkan hanya selepas mendapat kelulusan daripada JPN.

Langkah 5: Pendaftaran Perkahwinan

1. Pihak lelaki dan perempuan serta 2 orang saksi **dikehendaki hadir bersama** di samping membawa **dokumen-dokumen** berikut:-
 - 1.1 Kad Pengenalan asal pihak lelaki dan perempuan.
 - 1.2 Surat beranak asal pihak lelaki dan perempuan.
 - 1.3 Kad Pengenalan asal 2 orang saksi.
 - 1.4 Dokumen-dokumen lain seperti surat mati asal bagi bapa, surat pengesahan penceraian/ Pembatalan Perkawinan asal bagi pencerai, dan surat mati asal bekas suami atau isteri.
2. Pihak lelaki dan perempuan serta saksi dikehendaki berpakaian kemas. Kemeja - T, seluar jeans, seluar pendek dan selipar adalah tidak dibenarkan.
3. **Masa Pendaftaran:** Mengikut seperti mana yang dijadualkan oleh pejabat pendaftaran.
 4. Bagi mengelakkan gangguan semasa pendaftaran, kanak-kanak tidak dibenarkan hadir bersama.
5. Padamkan telefon bimbit semasa pendaftaran perkahwinan dijalankan.
6. Pihak lelaki dan perempuan serta saksi dibenarkan membawa masuk camera, hiasan bunga dan cincin semasa upacara dijalankan.
7. **Upacara pendaftaran perkahwinan selesai selepas penerimaan sijil perkahwinan.**

Waktu Pendaftaran Perkahwinan:

Hari Selasa hingga Hari Sabtu: Mengikut masa yang dijadualkan oleh pejabat pendaftaran
Hari Ahad / Cuti Am : Rehat

* Pendaftaran tidak boleh dijalankan sekiranya dokumen asal tidak ditunjukkan.